



KERAJAAN NEGERI SABAH

**PEKELILING
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.6/2026
PELAKSANAAN LANGKAH BERJIMAT CERMAT DAN
ARAHAN PERBELANJAAN BERHEMAH BADAN
BERKANUN NEGERI (BBN), BADAN PEMEGANG AMANAH
(BPA), SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC) DAN ANAK –
ANAK SYARIKAT**



KERAJAAN NEGERI SABAH

[KEW 100-4/4 JLD.10 (154)]

2 APRIL 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Badan Pemegang Amanah
Semua Ketua Syarikat Kerajaan Negeri

PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH BIL.6/2026
PELAKSANAAN LANGKAH BERJIMAT CERMAT DAN ARAHAN
PERBELANJAAN BERHEMAH BADAN BERKANUN NEGERI (BBN), BADAN
PEMEGANG AMANAH (BPA), SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (GLC) DAN ANAK
– ANAK SYARIKAT

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliiling ini adalah untuk memaklumkan serta menetapkan garis panduan dan arahan berhubung pelaksanaan langkah-langkah berjimat cermat dan kawalan perbelanjaan awam bagi semua Badan Berkanun Negeri (BBN), Badan Pemegang Amanah (BPA), Syarikat Kerajaan Negeri Sabah (GLC) dan Anak – Anak Syarikat.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan sentiasa memantau rapat perkembangan dan ketidaktentuan kedudukan ekonomi global serta domestik masa kini, termasuklah kesan rantaian yang menyumbang kepada peningkatan harga barangan, perkhidmatan, dan kos sara hidup secara umumnya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri Sabah memandang serius keperluan mendesak untuk mengoptimumkan sumber kewangan agar kedudukan fiskal negeri dan agensi kekal mampan.

“SABAH MAJU JAYA”

- 2.2 Selaras dengan keperluan perbelanjaan berhemah ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan agar satu kawalan perbelanjaan yang ketat dan komprehensif dikuatkuasakan serta-merta di semua peringkat BBN, BPA, GLC, dan anak-anak syarikat Negeri Sabah bagi mengelakkan sebarang bentuk pembaziran.

3. PELAKSANAAN DAN ARAHAN PENJIMATAN

Bagi memastikan hasrat ini tercapai, semua BBN, BPA, GLC dan anak – anak syarikatnya hendaklah mematuhi dan menguatkuasakan perkara-perkara berikut:

3.1 Penganjuran Majlis Keraian dan Sambutan Hari Raya

- 3.1.1 Penganjuran majlis keraian rasmi agensi seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri berskala besar (Rumah Terbuka) yang melibatkan peruntukan agensi adalah tidak dibenarkan.
- 3.1.2 Penganjuran majlis di premis di luar pejabat termasuk hotel, pusat konvensyen swasta adalah dilarang sama sekali.

3.2 Perjalanan dan Lawatan Rasmi ke Luar Negara

- 3.2.1 Lawatan rasmi ke luar negara hendaklah ditangguhkan sehingga ada arahan sebaliknya.
- 3.2.2 Mana-mana urusan perjalanan rasmi ke luar negara yang telah diluluskan sebelum pekeliling ini dikeluarkan hendaklah dikaji semula untuk mengurangkan kos yang terlibat. Bilangan peserta hendaklah dihadkan kepada jumlah paling minimum dan terhad kepada pegawai yang penting (*integral*) sahaja.
- 3.2.3 Penganjuran sebarang program di luar pejabat yang melibatkan kos agensi seperti lawatan kerja, *retreat*, sesi perancangan strategik, bengkel, program penanda aras (*benchmarking*), *team building*, sesi pelancongan kakitangan dan sebagainya adalah dihadkan pelaksanaannya di dalam negara sahaja.

3.3 Pembekuan Pengambilan Kakitangan Baharu

3.3.1 Semua BBN, BPA, GLC dan anak-anak syarikat diarah untuk membekukan sebarang pengambilan staf baharu berkuat kuasa serta-merta bagi mengawal peningkatan perbelanjaan operasi (OPEX) dan tanggungan kewangan jangka panjang agensi.

3.3.2 Sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk pengisian jawatan yang kritikal untuk kelangsungan operasi utama, ia hendaklah mendapat persetujuan Lembaga Pengarah agensi masing-masing dan seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri Sabah untuk kelulusan.

4. TANGGUNGJAWAB KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (CEO) / PENGARAH URUSAN (MD) / PENGURUS BESAR (GM)

4.1 Semua agensi dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk memastikan arahan ini diedarkan, difahami, dan dipatuhi secara menyeluruh oleh semua peringkat kakitangan di agensi induk mahupun di peringkat anak-anak syarikat di bawah kawal selia masing-masing.

5. PENUTUP

5.1 Arahan dan garis panduan dalam pekeling ini adalah berkuat kuasa bermula dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK MOHD. SOFIAN ALFIAN NAIR, JP)

Setiausaha Tetap

Kementerian Kewangan

“SABAH MAJU JAYA”

s.k. YAB Ketua Menteri Sabah,
Jabatan Ketua Menteri,
Aras 31 & 32, Blok A, Menara Kinabalu,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU

YB Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Aras 8, Blok C, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU

YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Peguam Besar
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Bahagian Kabinet dan Dasar
Jabatan Ketua Menteri
Aras 27, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Dalam Negeri
Tingkat 7-11, Blok B
Wisma Tun Fuad Stephens
Jalan Tuaran, Karamunsing
88646 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Sabah
Wisma Audit Sabah
KM 2.4, Jalan Tuaran
Beg Berkunci No. 2021
88400 KOTA KINABALU